



**TEKS PERUTUSAN
TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA
AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**SEMPENA
SAMBUTAN MAULIDUR RASUL
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 1443H / 2021M
18 OKTOBER 2021M / 11 RABIUL AWAL 1443H
MEDIUM FACEBOOK
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG**

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berhormat Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin bin Haji Abd. Rahman

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Sahibus Samahah Dato' Seri Dr Wan Salim bin Wan Mohd Noor

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan

Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan Datin-Datin

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Muslimin dan muslimat sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda sekalian. Saban tahun, kita akan memperingati tarikh kelahiran Nabi Muhammad SAW sebagai tanda cinta dan kasih terhadap perjuangan dan pengorbanan Baginda.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

2. Pada kesempatan ini saya ingin mengajak diri saya dan seluruh umat Islam Pulau Pinang khususnya untuk sama-sama mengambil '*ibrah*' (pengajaran) daripada aspek perjuangan dan pengorbanan Rasulullah SAW. Ketika permulaan dakwah dan penyampaian risalah, Baginda SAW telah menekankan aspek pembangunan tauhid dan juga akhlak menerusi teladan yang dipamerkan. Penekanan ini menunjukkan bahawa akidah dan akhlak sangat berkait rapat sebagai faktor penting dalam membangunkan ummah yang berkualiti tanpa menafikan bahawa Baginda SAW adalah sebagai pemimpin yang amat efektif dan berinovatif.

3. Sifat Fatonah (bijaksana) dan Amanah (integriti) adalah di antara sifat Baginda Rasulullah SAW. Maka pada hari ini, pentadbiran yang bersistematis, bersepada dan beramanah perlu diteladani sebagaimana yang telah dipamerkan melalui kehebatan pemikiran kritikal Baginda Rasulullah SAW dalam mentadbir Negara Madinah *al-Munawwarah* satu ketika dahulu.

4. Menyelusuri peradaban sejarah Islam, bermula dengan perjanjian hudaibiyah, penyatuan di antara golongan ansar dan khazraj, menyatukan antara ketua-ketua qabilah, pembahagian harta rampasan peperangan (**ghanimah**) dan pembahagian harta-harta zakat secara adil dan saksama menunjukkan sifat baginda yang mempunyai kebijaksanaan dan berintegriti di dalam kepimpinan dan pentadbiran yang cekap dan berkesan.

5. Justeru, kepimpinan yang telah dipamerkan oleh Baginda Rasulullah SAW adalah contoh yang terbaik sepanjang zaman. Selaras dengan tema Sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini iaitu “Manhaj Rabbani Ummah Berkualiti.” Aplikasi prinsip Manhaj Rabbani dalam membangunkan ummah berkualiti ini merujuk kepada tiga (3) elemen utama iaitu keilmuan, kerohanian dan aktivisme atau gerakan dakwah berteraskan amar makruf nahi mungkar.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

6. Keunggulan akhlak Nabi SAW banyak disebut di dalam al-Quran. Malah Baginda SAW telah diperakukan oleh Allah sebagai contoh terbaik yang perlu diikuti bagi menjamin keselamatan hidup di dunia dan di akhirat melalui al-Quran, Surah Al-Ahzab, ayat 21 yang bermaksud:

“(Bagi kamu) pada diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang-orang yang sentiasa mengharapkan keredaan Allah dan balasan baik hari akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”

Saidatina Aisyah pula, apabila ditanya oleh seorang Badwi mengenai akhlak Rasulullah SAW, maka beliau menjawab; “*Akh�ak Rasulullah adalah al-Quran.*” (Hadis Riwayat Muslim)

Michael H. Hart, seorang pengarang Barat juga telah menobatkan Nabi Muhammad SAW sebagai orang yang paling berpengaruh di dunia dan menjadi pemimpin agung sepanjang zaman di dalam bukunya bertajuk “*100 Most Influential People In The World.*”

7. Prinsip “kepimpinan melalui teladan” telah ditonjolkan oleh Baginda SAW dalam mendidik hati manusia. Baginda bukan sekadar menyeru untuk melakukan kebaikan tetapi menunjukkan teladan yang baik dengan melaksanakannya.

8. Perbezaan zaman juga bukan alasan sebagai ***outdated*** (ketinggalan zaman). Ini kerana Baginda SAW telah melalui ujian yang lebih hebat berbanding cabaran dan dugaan kita. Baginda SAW dilahir dan diutuskan di tengah-tengah masyarakat jahiliyyah yang penuh maksiat tetapi baginda tidak sedikit pun terkesan dengan pengaruh jahiliyyah. Sebaliknya Baginda tidak pernah melakukan perkara keji sehingga mendapat gelaran ***al-amin*** (amanah dan dipercayai).

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

9. Situasi semasa kini sangat menuntut untuk kita menghayati contoh teladan kehidupan Baginda SAW dan kembali kepada kehidupan berasaskan nilai-nilai agama. Hari ini kita berdepan dengan cabaran kebejatan sosial, ketidakstabilan ekonomi dan politik, ancaman kesihatan awam akibat pandemik Covid-19 dan lain-lain lagi. Keadaan diburukkan lagi dengan berlakunya penyalahgunaan teknologi moden yang pantas dan semudah “klik” di hujung jari sehingga berlaku fitnah dan perpecahan secara berleluasa.

10. Amat sukar ditentukan di antara yang benar dengan yang salah, yang tulen dengan yang palsu dan yang kaca dengan yang permata. Sudah terang lagi bersuluh, maka usaha proaktif perlu digerakkan bagi mengembalikan kualiti dan kecemerlangan ummah dengan mencontohi Baginda Rasulullah SAW.

11. Untuk akhirnya, bersempena Sambutan Maulidur Rasul 1443H ini, marilah kita memperbaharui pengetahuan mengenai Rasulullah SAW menerusi penguasaan ilmu khususnya sorotan **sirah** Nabi, **syamail** (kesempurnaan) dan **khaisais** (keistimewaan) Baginda SAW bagi menyuburkan kecintaan. Semoga Allah sentiasa mempermudahkan segala urusan kita untuk hidup yang sejahtera dan mencapai **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.**

Saya sudahi dengan *wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh.*